

Semangat tinggi ahli UMNO satu sejarah

UM 25 JUN 2008

PUTRAJAYA 24 Jun — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan semangat tinggi ahli-ahli UMNO pada perhimpunan agung parti itu baru-baru ini sebagai sejarah yang tidak pernah berlaku dalam UMNO.

Berikutan itu, Timbalan Presiden UMNO berharap semangat tersebut akan terus kekal bagi memastikan UMNO kukuh terutama menjelang pilihan raya umum.

“Semua ini (semangat tinggi ahli) saya harap akan dapat dipertahankan dan dipastikan sentiasa berada pada tahap tinggi.

“Kita minta (perwakilan) bila balik kawasan masing-masing, mereka akan menceritakan se-jelas-jelasnya kejayaan perhimpunan ini, satu-satunya persidangan yang tidak pernah dilihat (semangat begitu tinggi) dalam sejarah UMNO,” katanya selepas Perhimpunan Bulanan Kementerian Dalam Negeri di sini, hari ini.

Sekitar kawasan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), tempat berlangsungnya Perhimpunan Agung UMNO Ke-54 yang berakhir Sabtu lepas menjadi sesak apabila segenap ruang di bangunan itu dipenuhi dengan orang ramai yang mahu mendengar secara langsung ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Ucapan penggulungan Dr. Mahathir itu menjadi sesuatu yang ditunggu-tunggu memandangkan persidangan kali ini adalah yang terakhir beliau sebagai Perdana Menteri dan presiden parti sebelum menyerahkan kuasa kepada Abdullah pada Oktober ini.

Abdullah turut menghargai sokongan tidak berbelah bahagi kepadanya seperti yang ditunjukkan oleh semua ahli dan pemimpin parti pada Perhimpunan Agung UMNO itu.

Menurutnya, sokongan penuh itu sekali gus membuktikan hasrat kepimpinan UMNO di semua peringkat yang mahu melihat parti berada dalam keadaan kukuh dan bersatu padu.

Dalam pada itu, beliau turut menyatakan rasa binggau dengan kejayaan Perhimpunan UMNO kali ini apabila mendapat sambutan luar dugaan dengan kehadiran ramai ahli dan penyokong UMNO.

Berikutan itu, katanya, keadaan di PWTC menjadi kelam kabut kerana parti tidak menjangkakan kehadiran sebegitu ramai pengunjung.

“Ramai yang mahu masuk, tetapi mereka kecewa, ada yang sampai marah-marah, itulah laporan yang saya terima.

“Dengan rendah hati saya minta maaf kalau mereka menghadapi banyak masalah untuk mendapat tempat dalam bangunan itu kerana hendak mengikuti penutupan persidangan UMNO,” katanya yang beberapa kali memohon maaf mengenai perkara itu.

Menurutnya, UMNO merasa gembira dengan sambutan dan perhatian yang diberikan oleh orang ramai kepada parti seperti yang ditunjukkan pada perhimpunan itu.

Ketika ditanya kemungkinan Perhimpunan Agung UMNO akan datang diadakan di tempat lain termasuk Pusat Konvensyen Putrajaya berikutan keadaan yang sesak di PWTC, Abdullah berkata, perkara itu belum timbul ketika ini.